

<p><b>TAJUK</b></p>	<p>Sistem Sokongan Keputusan dengan Kecerdasan Buatan (AI) untuk Agensi Utama Kerajaan</p> <p><i>Decision Support System with Artificial Intelligence (AI) for Key Government Agencies</i></p>
<p><b>PENYATAAN MASALAH</b></p>	<p>Dalam menghadapi keperluan pembuatan keputusan yang cekap, berkesan, telus, dan penuh akauntabiliti di agensi kerajaan, kita perlu merangkumi prinsip-prinsip tata kelola yang baik. Menurut United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP), pentingnya tata kelola yang baik dalam kerajaan adalah untuk memastikan kecekapan operasi, penggunaan sumber yang bijak, pematuhan terhadap tanggungjawab awam, dan kemajuan holistik negara. Kerap kali, keputusan dibuat tanpa asas statistik kukuh, membawa kepada keputusan yang kurang meyakinkan dan potensi risiko yang tidak diingini. Untuk mengatasi cabaran ini, perkhidmatan digital dan autonomi dapat memberi akses kepada agensi kerajaan melalui alat dan sistem berkuasa AI. Ini memungkinkan pengautomasian tugas pembuatan keputusan dan menyediakan jejak audit yang jelas untuk setiap tindakan. Dengan ini, pembuatan keputusan dalam agensi kerajaan dapat ditingkatkan, menjadikannya lebih cekap, berkesan, dan telus.</p>
<p><b>SPESIFIKASI</b></p>	<p>Sebuah penyelesaian yang terintegrasi untuk meningkatkan kecekapan membuat keputusan dalam agensi kerajaan, merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pusat Data Sektor Awam (PDSA):             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem yang dibangunkan perlu dihoskan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA)</li> <li>ii. Memastikan kesediaan kerjasama dan sokongan diberikan oleh kementerian/agensi yang dipilih (di kalangan pemegang taruh) kerana projek ini melibatkan akses kepada data yang mungkin dirasakan sensitif bagi entiti terlibat.</li> <li>iii. Mendorong kerjasama yang lebih baik dan mempermudah akses kepada data yang diperlukan untuk membuat keputusan.</li> </ol> </li> <li>2. Model AI Piawai (AI Standard Model):             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perlu menjalankan kajian perbandingan antara model AI untuk mengenalpasti model yang paling sesuai untuk kegunaan jabatan/agensi kerajaan.</li> <li>ii. Pelaksanaan model AI piawai di seluruh jabatan untuk menyelaraskan proses pembangunan dan penyelenggaraan.</li> <li>iii. Bertujuan untuk mengurangkan kos yang berkaitan dengan</li> </ol> </li> </ol>

	<p>pembangunan dan penyelenggaraan model AI secara individu.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Repository Pengetahuan:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pangkalan pengetahuan yang komprehensif mengandungi amalan terbaik dan pengalaman pembelajaran dalam membuat keputusan.</li> <li>ii. Membolehkan agensi belajar antara satu sama lain, mendorong peningkatan berterusan, dan mengelakkan pengulangan kesilapan masa lalu.</li> </ol> </li> <li>4. Penyelesaian yang dibangunkan perlu mempunyai perkaitan dengan sekurang-kurangnya satu daripada lima bidang keutamaan negara yang terkandung dalam dokumen Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 seperti berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pertanian dan Perhutanan;</li> <li>ii. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan;</li> <li>iii. Bandar Pintar dan Pengangkutan;</li> <li>iv. Pendidikan; dan</li> <li>v. Perkhidmatan Awam.</li> </ol> </li> <li>5. Sistem atau penyelesaian yang dibangunkan haruslah mematuhi tujuh prinsip AI yang bertanggungjawab iaitu:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Keadilan;</li> <li>ii. Kebolehpercayaan, keselamatan dan kawalan;</li> <li>iii. Privasi dan keselamatan;</li> <li>iv. keterangkuman;</li> <li>v. Ketelusan;</li> <li>vi. Akauntabiliti; dan</li> <li>vii. Kemaslahatan dan kebahagiaan manusia.</li> </ol> </li> </ol> <p>Serta merujuk kepada spesifikasi dan sumber terkini yang relevan mengambilkira perkembangan teknologi kepintaran buatan yang amat pesat dan berkembang pada masa ini.</p> <p><b>Pemohon hendaklah mematuhi kesemua spesifikasi di atas.</b></p>
<p><b>JUSTIFIKASI</b></p>	<p>Pelaksanaan projek ini penting kerana:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan kecekapan operasi melalui pengurangan kebergantungan pada proses manual.</li> <li>2. Menambah akses kepada perkhidmatan digital untuk meningkatkan keterlibatan warganegara.</li> </ol>

## DANA PENYELIDIKAN STRATEGIK: RFP 1

	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Peningkatan keberkesanan perkhidmatan kerajaan melalui automasi tugas-tugas rutin.</li> <li>4. Membolehkan agensi menganalisis data untuk membuat keputusan yang lebih berinformasi.</li> <li>5. Mengembangkan aplikasi kecerdasan buatan untuk menangani cabaran sosial seperti kemiskinan dan Pendidikan</li> </ol>	
<p><b>JANGKAAN HASIL PROJEK</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Implementasi platform digital untuk efisiensi pengumpulan, pengorganisasian, dan analisis data agensi kerajaan.</li> <li>2. Pelaksanaan model keputusan AI untuk pengambilan keputusan strategik agensi.</li> <li>3. Sistem aplikasi dalam talian yang memudahcara proses bagi sebarang permohonan perkhidmatan bagi warganegara.</li> <li>4. Sistem otomasi untuk pemprosesan permohonan dan perkhidmatan kerajaan dalam talian dengan jejak audit yang jelas.</li> </ol> <p><b>Pemohon hendaklah mematuhi kesemua jangkaan hasil (output) seperti di atas.</b></p>	
<p><b>NILAI DANA MAKSIMUM (RM)</b></p>	<p>5 juta</p>	
<p><b>PEMEGANG TARUH BERKAITAN</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI)</li> <li>2. Kementerian Sumber Manusia (MOHR)</li> <li>3. Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE)</li> <li>4. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam</li> <li>5. Kementerian Komunikasi</li> <li>6. Kementerian Digital</li> <li>7. Jabatan Digital Negara</li> </ol>	
<p><b>PERMOHONAN</b></p>	<p>Saluran Permohonan</p>	<p>Permohonan Dana Penyelidikan Strategik – RFP (SRF-RFP) boleh dibuat melalui Sistem Dana Bersepadu MOSTI di pautan <a href="#">SDB: SRF-RFP</a></p>
	<p>Tempoh Permohonan</p>	<p>7 Mac 2024 sehingga 22 April 2024</p>
	<p>Garis Panduan Permohonan</p>	<p>Perincian syarat permohonan adalah seperti terkandung dalam Garis Panduan SRF-RFP di pautan <a href="#">GP SRF-RFP</a></p>